

13/03/1997

Latihan komputer untuk pekerja awam

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan Perak sedang merangka sebahagian daripada program latihan komputer bagi meningkatkan tahap pengetahuan penggunaannya di kalangan anggota pentadbiran awam negeri.

Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata langkah itu bertepatan dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Kerajaan Elektronik dipercepatkan.

Beliau berkata, pentadbiran negeri sudah diminta merangka program latihan komputer kepada semua kakitangan bagi menjamin setiap anggota berupaya mengendalikan komputer menjelang tahun 2000.

"Kerajaan negeri juga menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 1,000 ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di setiap kawasan Parlimen dapat diberikan latihan dalam bidang komputer menjelang tahun itu.

"Kerajaan Elektronik akan menjadi lebih berkesan jika institusi di peringkat desa juga dapat dihubung dan dirangkaikan supaya tidak ada lagi desa yang terpinggir daripada arus pembangunan," katanya kepada pemberita.

Terdahulu, beliau merasmikan persidangan Kesedaran Koridor Raya Multimedia dan Kerajaan Elektronik untuk Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen Perak di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Turut hadir ialah Speaker Dewan Undangan Negeri Perak, Datuk Mohd Nazri Abdul Rahman dan Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara (Intan), Dr Halim Shafie.

Ramli berkata, pengetahuan penggunaan komputer di kalangan anggota pentadbiran awam adalah penting bagi menjayakan rancangan MSC dan Kerajaan Elektronik selain mempercepatkan pencapaian matlamat Wawasan 2020.

Menurutnya, zaman maklumat memaksa kita mengubah cara hidup dan cara bekerja kita. Maka lebih awal kita sesuaikan diri, lebih cepat kita pelajari.

"Malah pengetahuan dalam bidang komputer akan menjadi satu keperluan sehingga mereka yang tidak tahu menggunakannya atau celik komputer boleh dianggap sebagai buta huruf," katanya.

(END)